



KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF IMMIGRATION, MALAYSIA  
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
(IMMIGRATION DEPARTMENT MALAYSIA)  
NO. 15, TINGKAT 4 (MENARA)  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62550 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN



Telefon : 603-8880 1005  
Portal Rasmi : [www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my)

Ruj. Kami : IM.101/HQ-G/33/4 JLD17( 20 )  
Tarikh : 23 Januari 2026

YBhg. Dato' Hairil Yahri Yaacob  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri  
Aras 28, Menara MITI  
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
**50480 KUALA LUMPUR**

YBhg. Dato'

## KADAR BAYARAN FI PERMOHONAN KAD PERJALANAN PERNIAGAAN APEC

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' sedia maklum, Pertubuhan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) telah memperkenalkan penggunaan Kad Perjalanan Perniagaan APEC (APEC *Business Travel Card* - ABTC) sebagai inisiatif untuk memudah cara perjalanan kerap jangka pendek tanpa visa kepada ahli-ahli perniagaan dalam kalangan ekonomi-ekonomi APEC. Selain itu, pemegang ABTC turut diberikan kemudahan laluan khas di pintu-pintu masuk antarabangsa yang terpilih.

3. Berdasarkan Perintah Fi (APEC *Business Travel Card*) 2000 [P.U.(A) 167/2000] yang mula berkuat kuasa pada 15 Mei 2000, kadar bayaran yang ditetapkan bagi setiap permohonan ABTC oleh warganegara Malaysia yang memegang Pasport Malaysia Antarabangsa adalah sebanyak RM100. Perintah yang sama walau bagaimanapun mengecualikan bayaran permohonan kepada pemegang Pasport Diplomatik dan Pasport Rasmi Malaysia.





4. Merujuk kepada kaedah pelaksanaan semasa, Jabatan Imigresen Malaysia hanya mengenakan bayaran sebanyak RM100 ke atas setiap ABTC fizikal yang dicetak. Bahagian Penasihat Undang-Undang, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam ulasannya menyatakan bahawa proses yang dilaksanakan pada ketika ini adalah tidak selari dengan Perintah Fi yang telah diwartakan. Kadar fi RM100 tersebut hendaklah dikenakan ke atas **setiap permohonan tanpa mengira sama ada ABTC tersebut dikeluarkan dalam bentuk fizikal mahupun maya.**


5. Bagi memastikan prosedur permohonan ABTC dilaksanakan secara teratur dari segi peraturan yang berkuat kuasa, maka JIM akan mengenakan bayaran sebanyak RM100 ke atas setiap permohonan ABTC yang diterima **mulai 1 Februari 2026.** Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Dato' adalah dipohon untuk memanjangkan pemakluman ini kepada semua Agensi Kawal Selia yang dilantik oleh pihak Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri bagi maksud antaranya untuk mengeluarkan surat sokongan dan memproses permohonan ABTC bagi pihak pemohon.

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato' berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"INTEGRITI, PROFESIONAL DAN MESRA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN)